



# PANDUAN DOA MINGGUAN

Doa tanpa henti.

AHAD, 2 OGOS 2020  
NASKAH KE-20

*For private circulation only among members and associates of Prayer United Malaysia*

## “IMAN YANG MENGALIHKAN GUNUNG”

### JEMPUTAN UNTUK TERUS TEKUN DALAM DOA DAN KESYUKURAN

*“Yesus menjawab, “Ini kerana kepercayaanmu tipis. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sekiranya kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu dapat berkata kepada gunung, ‘Beralihlah ke situ!’ maka bukit itu akan beralih. Tidak ada satu pun yang mustahil bagi kamu.” - Matius 17:20 <sup>AVB</sup>*

Ramai antara kami bergumul dengan doa yang tidak dijawab. Salah satu pengajaran penting yang Tuhan Yesus mengajar kami adalah kepentingan beriman, walaupun berdepan dengan situasi yang tidak pernah berlaku di negara kami, serta di dalam peribadi dan kehidupan rohani kami.

Jadi, apakah gambaran iman yang mengalihkan gunung? Yesus berkata dalam Lukas 17:3-6 bahawa sesiapa yang mempunyai iman sebesar biji sawi, dia boleh melakukan perkara yang besar! Di dalam petikan ini, Yesus mengajar tentang iman yang dapat mengalihkan gunung hasad dengki, yakni berkebolehan untuk mengampuni orang lain yang sentiasa berdosa dan berlaku salah terhadap kami!

Kami mungkin terjejas oleh “kebesaran gunung-ganang” yang berada di depan sehingga kehilangan perspektif. Yesus berkata jika iman kami sebesar biji sawi, kami dapat mengarahkan gunung-ganang untuk mengalihkan diri dan ia akan menurut arahan tersebut. Kami mungkin hairan akan keberanian ayat tersebut, serta berasa ragu-ragu terhadap janji Tuhan Yesus itu. Bolehkah kami percaya akan Firman-Nya? Bolehkah Dia memenuhi janji-Nya? Inilah sebab mengapa kami perlukan perspektif yang betul.

Pokoknya, saiz iman bukannya masalah kami. Iman sebesar biji sawi sudah mencukupi. Iman biasa yang kecil. Ini kerana hanya Allah kami yang penting. Masalahnya, kami sentiasa mengagungkan diri sendiri dan berfikir bahawa Allah kami tidak mencukupi ataupun tidak mampu.

Kami berkecenderungan bahawa hanya kami yang mampu menyelesaikan masalah, walaupun Allah sendiri yang mampu membereskan semua masalah, bukan kami. Iman kami bergantung kepada janji Allah kami yang Besar, dalam pengetahuan bahawa Dia akan menunaikan janji-Nya, jika doa kami selari dengan kehendak-Nya. Dia akan membolehkan semua perkara, kerana peribadi-Nya adalah untuk memenuhi Firman dan janji-Nya. Seperti Musa yang mengangkat tongkatnya, ia adalah Allah yang membelahkan Laut Merah! Allah tidak mengutus Musa untuk memulakan projek terusan atau jambatan! Doa yang beriman kami amat penting dan mujarab. Kami menunaikan tanggungjawab kami, dan Allah akan mengerjakan yang selanjutnya. Doa kami menggerakkan peribadi kami. Doa kami boleh mengalihkan gunung hasad dengki, pandemik, kuasa jahat dan kehilangan kerja.

Ayuh, marilah kami mempunyai perspektif yang betul terhadap Allah. Sewaktu kami bersaksi betapa besarnya Allah kami, kami akan tahu bahawa tiada gunung yang terlalu besar untuk dialihkan. Dia akan menopang kami! Inilah janji-Nya.

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran dan doa syafaat, agar Kerajaan Allah ditubuhkan dan kehendak-Nya dilaksanakan pada waktu yang susah.

Panduan doa ini boleh dipakai untuk saat teduh peribadi, di dalam keluarga ataupun kumpulan kecil. Anda juga boleh menggunakannya semasa mengendalikan persekutuan doa dalam talian ataupun di gereka, dan juga untuk menganjurkan bilik doa 24-7 dalam talian.

Kami telah mendirikan panduan asas ini untuk mereka yang baru mula berdoa ataupun ingin bertumbuh dalam doa. Kandungannya mencukupi supaya anda boleh berdoa dari beberapa minit sehingga selama sejam, agar anda membina keyakinan dalam doa.

Panduan ini menggunakan nemonik PRAY. Cara ini terdiri daripada 4 langkah yang mengeja perkataan PRAY: Pause - Rejoice - Ask - Yield.

P - Pause (Berhenti secara sengaja apabila menghadapi PERIBADI Allah, sebagai peringatan bahawa kami bukan melakukannya hanya sekadar sebagai aktiviti, tetapi memasuki hadirat Allah, merendahkan diri supaya mendengar, merenungkan diri dan bertaubat)

R - Rejoice (Menyembah Dia yang layak menerima segala pujian dan sembah, dan ini sesuatu yang berlaku secara semulajadi oleh kerana meluahkan masa dengan-Nya sebelum ini)

A - Ask (Doa Syafaat - Setelah 2 langkah tersebut, hati kami sekarang berada dalam posisi yang lebih baik untuk menyelaraskan diri mengikut hati dan kehendak-Nya)

Y - Yield (Serahkan semua doa kami kepada Allah dengan penuh iman, agar Dia memimpin dan berbicara dengan hati kami supaya kami mengalami sukacita sewaktu bekerjasama dengan Allah dalam mengalu-alukan kerajaan-Nya)

**PAUSE BERDIAM**, Diamkan diri secara sengaja - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

**BACA Lukas 17:3-6** <sup>AVB</sup> dan renungkan

**Lukas 17:3-6** *"Berwaspadalah! Jika saudaramu telah berbuat dosa terhadapmu, tegurlah dia dan jika dia bertaubat, ampunilah dia. Jika dia berdosa sebanyak tujuh kali terhadapmu dalam sehari dan setiap kali dia datang kepadamu serta berkata, 'Aku bertaubat,' kamu hendaklah mengampuninya." Rasul-rasul itu berkata kepada Tuhan, "Kuatkanlah iman kami." Tuhan menjawab, "Jika kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu akan dapat berkata kepada pokok ara ini, 'Tercabutlah akar-akarmu dan tertanamlah kamu di laut,' dan pokok ara akan menurut perintahmu."*

**BERTAUBAT** Kami mungkin menyimpan dendam terhadap orang lain yang telah melukakan kami sehingga hari ini. Kami tahu bahawa mengampuni mereka adalah selari dengan kehendak Allah. Namun demikian, apabila berdepan dengan pilihan untuk mengampuni mereka, seringkali kami bergumul kerana kesakitan yang dirasakan amat pilu dan peringatan perkara-perkara yang dialami sangat nyata! Pada hari ini, kami memilih untuk mengejar dan meminta Allah memberi iman sebesar biji sawi untuk memaafkan dan memberkati mereka yang telah melukai kami, dan menyayangi musuh yang tidak seiman kami. Kami bertaubat dari perasaan benci dan pemberontakan yang sentiasa menguasai kami, dan meminta iman yang memberi kami kemenangan ke atas dosa.

**DOA:** Tuhan Allah, kami mengakui bahawa seringkali kami berasa berat hati sekali untuk mengampuni orang lain yang telah melukai hati kami, terutamanya mereka yang telah berfitnah. Kami tidak sanggup melakukan begitu kerana luka yang dialami terlalu dalam, dan juga berasa marah atas ketidakadilan yang dialami. Tuhan, pada hari ini, aku memilih untuk mengampuni mereka, sebagaimana aku meminta untuk dilepaskan daripada pelanggaran tersebut, kerana kami ingin mematuhi perintah-Mu. Kami tahu bahawa kehendak dan perintah-Mu terdiri daripada mengampuni mereka yang telah berlaku salah terhadap kami, sebagaimana kami menerima pengampunan-Mu secara percuma. Kami berdoa agar Engkau membebaskan kami dari belenggu dosa agar kami bergantung kepada Kristus untuk melepaskan kami, dan bukan berdasarkan kekuatan dan perbuatan diri sendiri. Kami inginkan iman yang disucikan dan ditahbiskan, iman yang mampu mengalihkan gunung-ganang, sepertimana Engkau menjawab iman sedemikian yang menyatukan umat-Mu. Pada waktu itu, kami akan menyaksikan betapa besarnya kuasa-Mu apabila mengabulkan doa kami - sepertimana Engkau membangkitkan Yesus Kristus dari alam maut secara luarbiasa sekali. Dalam nama Kristus yang telah bangkit kami berdoa, AMIN.

## REJOICE / PENYEMBAHAN

**BACA Mazmur 91** <sup>AVB</sup> secara kuat

**Mazmur 91:1-2** *"Sesiapa yang tinggal di tempat rahsia Yang Maha Tinggi akan menetap di bawah bayang-bayang Yang Maha Kuasa. Aku akan berkata tentang Tuhan, "Dialah penaungku dan bentengku, Allahku, akan kupercaya kepada-Nya."*


**NYANYIKAN** Lagu-lagu penyembahan dan kesyukuran. Berikut adalah beberapa cadangan:

### ALLAHKU DAHSYAT

Dari Utara ke Selatan  
Terdengar pujian bagi Allah  
Dari Barat sampai ke Timur  
Nama Yesus disanjung tinggi  
Dari Pulau-pulau  
Lembah-lembah, gunung-gunung yang tinggi  
KemuliaanNya disaksikan  
KebesaranNya diceritakan  
Yesus, Yesus, Nama Yesus  
Nama Yesus disanjung tinggi  
Dari Pulau-pulau  
Lembah-lembah, gunung-gunung yang tinggi

Allahku dashyat, berkuasa  
S'luruh bumi sujud menyembah  
Tinggikan namaMu

<https://www.youtube.com/watch?v=kINES7rD7Bk>



**RANTAI KERTAS KESYUKURAN (Pilihan Meluahkan Kesyukurannya Secara Kreatif)** Guntingkan helaian kertas berwarna kepada beberapa jalur. Pada satu belah jalur tersebut, tuliskan satu masalah, perasaan terluka ataupun kepiluan anda (satu baris sahaja). Doakan semua masalah tersebut dan serahkannya kepada Tuhan. Pada belah di belakang jalur yang sama, tuliskan satu perkara yang anda bersyukur kepada Tuhan (juga satu baris sahaja).

Ambil jalur yang pertama tersebut dan ikatkan permulaan dan penghujung jalur itu dengan gam atau dawai kokot supaya ia membentuk satu gelang. Lakukan yang sama untuk jaluran lain sehingga anda membentuk satu rantai. Ini akan menjadi rantai kesyukuran yang anda boleh gantungkan di dalam bilik anda setelah siap.

**ASK /BERMINTA** Pakailah perkataan diri sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda.

### 1. Doa Peribadi

**Galatia 5:19-23** <sup>AVB</sup> *“Kelakuan tabii manusia adalah nyata: perbuatan cabul, kecemaran dan kelucahan; menyembah berhala dan sihir; kebencian, perbalahan, hasad dengki, letusan kemarahan, cita-cita untuk kebesaran diri, perselisihan, berpuak-puak dan iri hati; kemabukan, berpesta keterlaluan, dan sebagainya. Tentang ini aku berkata kepadamu, sebagaimana sudah kukatakan kepadamu dahulu, bahawa orang yang mengamalkan perkara-perkara demikian tidak akan mewarisi kerajaan Allah. Sebaliknya, buah Roh ialah kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, lemah lembut dan penguasaan diri. Tiada hukum yang menentang segala ini.”*

**DOA:** Bapa Syurgawi, kami berdoa untuk menerima iman yang benar dan ikhlas yang menghapuskan kelakuan tabii manusia dan menghasilkan buah Roh. Kami perlukan kekuatan untuk mendaki gunung kasih, sukacita, damai sejahtera, dan kesabaran, di mana hanya iman yang mampu membolehkan kami melakukan demikian. Kami berdoa agar iman kami dikerjakan melalui kasih, sepertimana yang dinyatakan dalam Firman-Mu di Galatia 5:6. Kami juga perlukan iman yang secukupnya untuk memberitakan Injil ke setiap pelusuk dunia serta mengatasi alam maut. Yang paling utama, Tuhan, kami perlukan iman yang ikhlas untuk mengasihi Engkau dengan segenap hati, jiwa, pemikiran, dan kekuatan, dan mengasihi sesama sendiri. Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

### 2. Doa untuk Keluarga

**Yesaya 41:10** <sup>AVB</sup> *“Jangan takut, kerana Aku berserta denganmu. Jangan cemas, kerana Akulah Allahmu. Aku akan menguatkan, bahkan akan menolong engkau. Ya, Aku akan menopang engkau dengan tangan kanan-Ku yang penuh kebenaran.”*

**DOA:** Bapa Syurgawi, kami berterima kasih atas perlindungan-Mu ke atas setiap ahli keluarga kami: (doakan setiap peribadi dalam keluargamu). Aku bersyukur kerana Engkau telah berjanji bahawa Engkau menyertai kami senantiasa dan Engkau Allah kami. Pada waktu yang tidak tertentu ini, kami berterima kasih kerana melindungi keluarga kami. Kami memuji-Mu dengan penuh keyakinan bahawa Engkau akan menyudahkan pekerjaan yang baik dalam setiap peribadi mereka serta memelihara mereka daripada kejahatan. Kami berterima kasih kerana Engkau bekerja dalam kehidupan mereka, meneliti mereka bertumbuh secara iman dalam-Mu. Semoga kami menjadi contoh yang baik supaya mereka mencontohi kami sebagaimana kami mencontohi Tuhan Yesus Kristus dalam pertuturan dan kelakuan. Sila lindungi kami daripada pencobaan dan jauhkan kami daripada yang jahat. Kami terus berdoa agar keluarga kami akan menjadi satu teladan yang baik sebagai pekerja Injil, di mana kami bersinar dengan terang di kalangan jiran-jiran, komuniti, dan gereja. Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

### 3. Doa untuk Komuniti

#### a. Perniagaan dan Penggajian

**Matius 21:21-22** <sup>AVB</sup> *“Yesus menjawab, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, jika kamu beriman tanpa ragu, kamu dapat melakukan begitu juga kepada pokok ara itu, malah kamu boleh berkata kepada gunung ini, ‘Beralihlah dan terhumbanlah ke dalam laut,’ lalu hal itu akan terjadi. Apa sahaja yang kamu minta dalam doa dengan iman, akan kamu terima.”*

**DOA:** Tuhan Allah, dalam detik yang susah ini, kami bersandung kepada belas kasihan dan kasih-Mu. Kami berdoa secara iman untuk melihat lebih daripada perniagaan yang terjejas, masalah pengangguran, ketidakstabilan politik, masalah pandemik, dan kerusuhan yang berlaku di seluruh dunia. Tolong ubahkan perspektif kami untuk mengakui bahawa Engkau, Allah Besar kami, berkuasa atas segala alam semesta. Semoga mata kami tertuju kepada-Mu apabila melalui badai ini. Kabulkan doa kami yang dinyatakan dalam iman, untuk membina semula dan memulihkan keluarga serta perniagaan yang terjejas. Sekarang juga, kami percaya dalam kasih-Mu yang tidak pernah gagal, dan kuasa-Mu yang mampu memberkati kami dengan karunia baru agar kami dapat memberkati orang lain. Kami berdoa agar Engkau curahkan karunia usahawan supaya idea dan perniagaan baru boleh bermula demi kemuliaan-Mu. Pakailah kami menjadi saluran berkat kepada pihak majikan, para pekerja, rakan kerja, pelanggan, dan kerajaan, bahawa melalui kami, bandar-bandar akan makmur sekali lagi. Semoga kami akan bersikap murah hati untuk menolong orang ramai, membawa kemakmuran kepada mereka dan menolong dalam pelbagai cara mereka yang terjejas kerana kehilangan kerja. Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

**b. Perlindungan untuk Pekerja Kesihatan dan Pekerja Baris Hadapan**

**Matius 8:26** <sup>AVB</sup> *“Yesus menjawab, “Mengapakah kamu takut? Begitu tipis kepercayaanmu kepada-Ku!” Dia pun bangun menegur angin dan ombak itu. Serta-merta semuanya tenang sekali.”*

DOA: Tuhan Allah, kami berdukacita kerana jangkitan baru Covid-19 yang semakin mendadak. Ampunilah keresahan dan perasaan takut kami oleh kerana gelombang kedua yang bakal berlaku. Kami berdoa agar Engkau melindungi pekerja kesihatan dan pekerja baris hadapan daripada kemungkinan besar pandemik coronavirus berlaku sekali lagi. Kami berdoa agar Engkau memberkati pihak kerajaan dan penguatkuasa dengan kebijaksanaan untuk mengesan kluster-kluster baru dan mencegah peluang perebakan. Kami serahkan iman kami kepada-Mu, bahawa dalam Nama-Mu yang berkuasa, kami menegur virus ini daripada jangkitan baru. Kami berdoa agar orang awam terus berwaspada dan bekerjasama dalam memutuskan rantai jangkitan ini. AMIN.

**c. Perlindungan atas Para Guru dan Pelajar**

**Lukas 2:52** <sup>AVB</sup> *“Yesus semakin membesar dan bijaksana. Dia diredei Allah dan manusia.”*

DOA: Bapa Syurgawi, kami berdoa untuk anak-anak kami, agar mereka akan membesar dan bijaksana sewaktu melalui badai hidup. Kami berdoa agar mereka akan mengenal-Mu dengan lebih mendalam lagi setiap hari, serta menaruh harapan mereka dalam-Mu untuk keperluan harian serta waktu depan mereka. Kami juga doakan perlindungan-Mu ke atas kanak-kanak dan para pendidik di tengah-tengah gelombang baru pandemik coronavirus. Kami berdoa supaya kementerian pendidikan akan membuka sekolah dengan prihatin dan penuh kebijaksanaan. Kami juga berdoa agar para pendidik dan pentadbir akan terus berwaspada apabila kanak-kanak serta golongan belia pulang ke sekolah, kolej, dan universiti masing-masing. Dalam nama Yesus, AMIN.

**d. Doa untuk Mereka yang Sakit**

**Yakobus 5:15-16** <sup>AVB</sup> *“Doa yang dilafazkan dengan iman akan menyembuhkan orang sakit itu. Tuhan akan memulihkan kesihatannya, dan dosanya akan diampunkan. Oleh itu, hendaklah kamu saling mengakui dosa serta mendoakan satu sama lain, supaya kamu disembuhkan. Doa orang yang benar mempunyai kuasa yang hebat.”*

DOA: Tuhan Allah, kami terus mendukung dalam doa mereka yang sakit dari segi jasmani, emosi ataupun mental, agar Engkau akan menyembuhkan mereka secara total. Kami serahkan [nama orang yang perlu penyembuhan] kepada-Mu. Aku berdoa agar Engkau menyembuhkan [nama penyakit/keadaan mental]. Sama seperti rakan-rakan orang yang lumpuh itu membawanya kepada Yesus, dan tidak berputus asa daripada mempersembahkan dia kepada Penyembuh kami, kami berdoa atas pihak yang sakit dan meminta Engkau mengampuni dosa mereka, serta mengakui dosa kami sesama sendiri. Ampuni kami, ya Tuhan, atas segala dosa kami kepada-Mu. Kami menyeru kepada-Mu, ya Tuhan Allah, yang hanya perlu berfirman sahaja untuk menyembuhkan, bahawa dalam nama Yesus yang berkuasa, [nama pesakit] akan dibebaskan daripada belunggu [nama penyakit].

Abba Bapa, aku berterima kasih kerana [nama pesakit] kepunyaan Engkau dan Engkau berkuasa atas segalanya dari permulaan hingga ke nafas terakhir. Tolonglah kuatkan [nama pesakit] dan semoga dia mendampingi Engkau untuk mengalami hadirat-Mu yang luarbiasa sekarang juga. AMIN.

**4. Doa untuk Mereka yang Sesat (Berdoa untuk 5 Orang Lain)**

**Roma 10:9** <sup>AVB</sup> *“Jika kamu akui dengan mulutmu bahawa Yesus ialah Tuhan dan percaya dalam hatimu bahawa Allah telah membangkitkan-Nya daripada kematian, kamu akan diselamatkan.”*

DOA: Tuhan Yesus, terima kasih atas pengorbanan-Mu. Tolong kami terus tekun bekerja di ladang-Mu untuk menyelamatkan domba yang sesat. Apabila kami berdoa ‘Datanglah Kerajaan-Mu’- kami serahkan ‘lima’ orang ini kepada-Mu, Ya Tuhan Allah, (sebutkan nama mereka sewaktu anda berdoa) agar mereka akan mengenali Yesus Kristus sebagai Penyelamat peribadi mereka. Ya Tuhan, sila tolong dia tahu bahawa Engkau adalah Jalan, Kebenaran dan Hidup. Kami berdoa agar Engkau memberkati kami dengan sukacita melihat kawan-kawan, keluarga serta rakan sekerja kami bertemu dengan Yesus Kristus dan memulakan perjalanan iman mereka yang baru. Terus bekerja melalui kami, agar kami berani untuk membawa Berita Baik Engkau ke mana-mana sahaja. Dalam nama Yesus kami berdoa, Amin.

**5. Doa untuk Gereja**

**a. Kekudusan dan Kesetiaan**

**Matius 5:14-16** <sup>AVB</sup> *“Kamu ialah cahaya dunia ini. Kota di atas bukit tidak mungkin tersembunyi. Tiada siapa memasang pelita lalu menyorokkannya di bawah pasu; tentu dia meletakkannya di atas kaki pelita untuk menerangi seisi rumah. Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga.”*

DOA: Abba Bapa, kami berdoa agar gereja-Mu menjadi terang yang dapat menyinari kegelapan dalam masyarakat serta negara kami. Kami berdoa untuk keberanian dan kekuatan dalam menyatakan kebenaran, dan bersinar dengan terang untuk mendedahkan perbuatan jahat.

Tolonglah kami sentiasa berjalan dalam terang dan tetap setia kepada perintah-Mu agar Kristus disanjung tinggi di mana juga kami berada. Kami berdoa agar kami menjadi saksi-Mu yang setia kepada dunia yang memerlukan utusan harapan dan keamanan Engkau. Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

**b. Kesatuan Gereja**

*Roma 15:5-6<sup>AVB</sup> “Semoga Allah yang memberikan kesabaran dan galakan, mengurniaimu perpaduan yang sama terhadap satu sama lain, menurut Kristus Yesus. Dengan demikian dapatlah kamu dengan sebulat hati dan suara memuliakan Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus.”*

*DOA:* Abba Bapa, kami merindu akan mempersembahkan Gereja-Mu sebagai Pengantin yang sedia disambut Yesus apabila Dia kembali kali kedua, dan memuliakan Engkau dengan satu suara! Kami menghadapi-Mu dengan penuh rendah hati agar gereja Malaysia akan menjadi contoh kesetiaan dan kasih yang ikhlas terhadap sesama sendiri. Kami berdoa agar api kebangkitan rohani Roh Kudus akan menyala dengan kuat di seluruh negara, di mana alam maut tidak mampu menentangnya. Kami doakan agar kasih sayang yang ikhlas dan tidak mementingkan diri sendiri menjadi tanda kehidupan kami, agar barangsiapa yang memerhati kami akan tahu bahawa kami adalah murid-Mu.

Berilah para pemimpin gereja anugerah-Mu supaya kami sedar akan segala bahaya yang datang daripada perbalahan di antara kami. Jauhkanlah daripada kami semua kebencian dan dengki, perasaan dendam dan prejudis, serta sebarang yang menahankan kami daripada mencapai kesatuan dan harmoni. Semoga kami mengamalkan kehidupan yang mengutamakan Kristus sebagai satu Tubuh, satu Roh, satu Harapan, di mana kami semua adalah kepunyaan Tuhan yang esa, dalam satu Iman, satu Baptisan, maka pun satu Allah iaitu Bapa kami sekalian. Bapa, kami berdoa agar kami sekalian menjadi satu hati dan satu jiwa berhubung dengan satu tambatan yang kudus, terdiri daripada kebenaran dan perdamaian, dalam iman dan kasih; supaya dengan satu hati dan satu suara kami memuliakan Engkau, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. AMIN. [Parafraza dari Kitab Sembahyang Dalam Gereja, Anglikan]

**c. Pendoa Syafaat**

*Yeremia 51:12<sup>AVB</sup> “Angkatlah panji-panji terhadap tembok-tembok Babel, perkuatkanlah penjagaan. Tempatkanlah penjaga, siapkanlah penyerang hendap, kerana Tuhan telah merancangkan dan melaksanakan apa yang difirmankan-Nya mengenai penduduk Babel.”*

*DOA:* Bapa Syurgawi, kami berterima kasih untuk para pendoa syafaat yang sedia ada, tetapi kami juga berdoa agar Engkau akan membangunkan lebih ramai pengawal yang setia, di mana mereka bersiap sedia dalam hal-ehwal peperangan rohani. Kami berterima kasih atas hampir 800 wanita yang telah mendaftarkan diri untuk konferensi doa wanita. Kami berdoa agar Engkau mengurapi setiap penceramah dengan hadirat Roh Kudus supaya semua peserta akan belajar dan dikuatkan dari segi iman dan doa, dan bertumbuh menjadi pendoa syafaat yang ingin menjangkau golongan yang sesat dengan Berita Baik.

Kami juga berdoa, ya Tuhan, bahawa Engkau akan menguatkan kami apabila kami terus tekun berdoa untuk negara. Kuatkan hati kami, Tuhan, untuk berdoa sehingga keadilan terlaksana dalam negara kami dalam segala hal, termasuk golongan ahli politik berkuasa yang sedang menunggu keputusan daripada mahkamah atas percabaran kes-kes rasuah masing-masing. Jamahlah kami dan penuhi kami dengan kebijaksanaan, hati yang peka, dan nubuatan. Semoga kami menjadi pengawal yang sentiasa peka dan setia atas bangsa-bangsa lain terutamanya pada waktu yang susah ini. Jangan biarkan kami terlena. Berikan kami kekuatan supaya tidak senang putus asa setiap kali kami berdoa. Terima kasih, Tuhan, atas mukjizat-mukjizat-Mu, kerana Engkau Allah yang menjawab doa. Kami berdoa agar Engkau melindungi kami serta keluarga kami setiap kali kami berdoa. Jauhilah kami dari kompromi, keangkuhan dan nafsu duniawi. Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

**d. Gereja yang Dianiayai**

*Yohanes 1:5<sup>AVB</sup> “Dan cahaya itu bersinar dalam kegelapan, dan kegelapan tidak menguasainya.”*

*DOA:* Bapa, kami memperingati jutaan umat-Mu di seluruh dunia yang sedang dianiayai oleh kerana iman mereka dalam Kristus. Tahap penganiayaan yang mereka harungi jauh lebih teruk daripada apa yang dihadapi umat-umat-Mu pada zaman gereja awal. Pelbagai bangsa berkomplot terhadap umat-Mu. Oleh kerana mereka juga merupakan tubuh Kristus, kami turut menderita bersama mereka. Kami berdoa agar Engkau menguatkan mereka pada masa yang susah ini, supaya mereka akan tetap setia sehingga detik terakhir. Kami tahu bahawa Engkau akan menyelamatkan mereka kerana telah meletakkan harapan mereka di dalam-Mu. Kami berasa kagum dengan iman dan kesetiaan mereka, dan kami ingin mencontohi mereka dalam hal iman dan ketabahan serta menyediakan diri untuk bertabah apabila menghadapi penganiayaan. Tolonglah kami menolong mereka secara praktikal dan memberi sokongan pada waktu yang susah ini. Kami berdoa dalam nama Yesus. AMIN.

## 6. Doa untuk Negara

### a. Doa Berterusan untuk Persidangan Parlimen (13 Julai - 27 Ogos 2020)

**Amos 5:24** <sup>AVB</sup> *“Sebaliknya, biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan perbenaran seperti sungai yang selalu mengalir.”*

**DOA:** Tuhan Allah, Engkau berkuasa atas semua bangsa. Engkau adalah Raja segala Raja, Tuhan segala Tuhan. Kami berterima kasih kerana Engkau menunjukkan belas kasihan dan kasih karunia atas Malaysia. Kami menjunjung Engkau, ya Allah, dan menunggu pemerintahan-Mu yang penuh dengan perbenaran. Dilandai badai dari pelbagai arah oleh kerana pakatan politik yang tidak stabil serta ekonomi yang lemah, kami menjunjung Engkau sebagai Allah atas semua bangsa, bahawa hanya Engkau yang menentukan waktu dan musim, kerana hanya Engkau yang melucut dan melantik pemerintah.

Kami serahkan persidangan Parlimen yang sedang berlaku kepada-Mu, agar kebenaran, perbenaran dan keadilan akan membanjiri setiap pelusuk Parlimen. Kami berdoa agar Firman-Mu berkuasa atas persidangan kali ini. Kami berdoa agar persidangan kali ini akan berjalan dengan penuh ketertiban dan kesusilaan. Kami serahkan kemungkinan berlakunya pilihan raya tergepar kepada-Mu, di mana ramai antara ahli politik mempunyai undang di sebalik batu masing-masing. Kalau pilihan raya tergepar berlaku, ia akan memakan perbelanjaan yang banyak dari simpanan kewangan negara ini - wang yang boleh dipakaiguna untuk menolong rakyat Malaysia mengharungi suasana ekonomi sedunia yang tenat. Tuhan, sinarkan terang-Mu ke dalam kegelapan, dan usirkan kegelapan hati manusia serta alam maut dengan Nama-Mu. AMIN.

### b. Doa untuk Kebebasan dan Kejujuran Badan Kehakiman

**Yesaya 61:8** <sup>AVB</sup> *“...kerana Aku, Tuhan, mencintai keadilan, dan membenci perampasan serta kezaliman. Aku akan memberi mereka upah dengan benar dan mengikat perjanjian yang kekal dengan mereka.”*

**DOA:** Tuhan Allah, kami ingin melihat Engkau dimuliakan dalam negara ini dengan sistem penghakiman dan undang-undang yang sentiasa menegakkan perbenaran dan keadilan. Kami berdoa apabila lebih banyak lagi kes-kes makhamah profil tinggi dibicarakan, terutamanya kes-kes yang berkaitan dengan 1MDB yang melibatkan golongan yang berkuasa, kami berdoa supaya badan kehakiman yang cekal hati, penuh dengan kebijaksanaan dan keberanian akan dilantik, di mana mereka terdiri daripada lelaki dan perempuan yang takut akan Allah dan ingin menegakkan keadilan. Kami berterima kasih kepada-Mu, Tuhan, untuk para hakim kami yang mulia.

Terima kasih, Tuhan, atas keputusan baru-baru ini yang memberi harapan kepada semua bahawa kekayaan kebangsaan yang dicuri boleh diselamatkan, serta mereka yang menyalahgunakan kuasa politik mereka tidak terlepas. Kami berdoa agar keadilan akan ditegakkan, dan mereka yang menyalahgunakan kuasa serta mencuri duit rakyat akan dijatuhkan hukuman dengan secepat mungkin. Jauhkan kami daripada perasaan marah ataupun keinginan menyelesaikan ini secara manusiawi, tetapi meletakkan semua harapan kami kepada-Mu, ya Allah, untuk menjauhkan kami daripada yang jahat sepertimana Engkau telah berfirman, “Pembalasan adalah hak-Ku.” Kami berdoa agar negara kami terdiri daripada rakyat yang jujur dan adil, yang tahu perbezaan antara betul dan salah, dan tidak senang mempercayai janji-janji kosong politik. Dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

### c. Doa untuk Keamanan Negara dan Pemulihan Ekonomi

**Yohanes 7:24** <sup>AVB</sup> *“Janganlah hakimi seseorang berdasarkan apa yang dilihat. Hakimilah dengan adil.”*

**DOA:** Kami tujukan kepada-Mu, Allah Maha Perkasa, yang ketahui isi hati setiap orang, untuk membongkarkan setiap rancangan serta pakatan yang berniat jahat, golongan yang tidak mengutamakan kebajikan rakyat serta berkhidmat dengan amanah terhadap tanahair tercinta ini. Bapa Syurgawi, kami berdoa agar Engkau memimpin dan memberkati tujuan serta semua kekayaan negara ini. Kami berdoa agar perbalahan politik dan ketidakstabilan ekonomi akan berakhir dengan kerohanian yang cemerlang.

Kami juga berdoa agar perlindungan dan kedamaian-Mu akan meliputi negeri Sabah di mana rakyat di sana akan mengalami pilihan raya tergepar tidak lama lagi. Kami berdoa supaya rakyat Sabah akan mengundi dengan penuh kebijaksanaan, agar mereka diberkati dengan golongan pemimpin yang dengan ikhlas, ingin menjaga kebajikan mereka serta menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan penuh amanah. Kami menghancurkan semua aktiviti ilmu sihir, rancangan rahsia yang jahat, dan pekerjaan roh jahat dalam nama Yesus. Kami berdoa agar kuasa jahat yang memecah-belahkan dan menipu rakyat serta menyebabkan gejala rasuah berleluasa di kalangan mereka yang berkuasa, akan dipatahkan dalam Nama-Mu. Semoga Malaysia mengalami transformasi menjadi lambang kebenaran, keadilan dan perbenaran. Semoga Engkau menerima segala kemuliaan dan pujian untuk perintah-Mu yang benar dari semua bangsa yang menetap di negara in, bahawa rakyat akan dibebaskan daripada sekatan agama dan mencapai kemerdekaan ekonomi dan politik. Dalam nama Yesus, AMIN.

#### d. Doa untuk Perdana Menteri dan Kabinet

*1 Timotius 2:1-4 AVB* “Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia - untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat. Inilah yang baik dan diredai oleh Allah Penyelamat kita yang berkehendakkan semua manusia diselamatkan dan mengetahui apa yang benar.”

DOA: Abba Bapa, kami berterima kasih untuk Perdana Menteri dan para Menteri Kabinet Malaysia yang mengutamakan kebajikan rakyat pada waktu yang susah ini. Kami terus serahkan kesihatan Perdana Menteri kami, Muhyiddin Yassin, ke dalam tangan-Mu yang mampu menyembuhkan dia. Kami berdoa agar kuasa Roh Kudus ke atas mereka yang berada di Kabinet akan terus bekerja untuk menyucikan hati serta motif, dan memperkasakan mereka untuk berkhidmat kepada rakyat dengan penuh amanah dan kecekapan. Semoga para menteri takut akan Allah sewaktu mereka menunaikan tanggungjawab masing-masing. Dalam nama Tuhan Yesus Kristus yang berkuasa kami berdoa, Amin.

#### 7. Doa untuk Keadilan

##### a. Penyembuhan daripada Rasisme dan untuk Kesamaan

*Efesus 5:11 AVB* “Jangan bersubahat dengan perbuatan gelap yang tidak berfaedah, sebaliknya dedahkan perbuatan itu.”

DOA: Bapa Syurgawi, jangan biarkan kami berhati keras dan bertindak secara tidak adil kepada sesiapa pun di mana juga kami berada. Bangkitkan dalam kami semangat belas kasihan terhadap mereka yang tiada tempat berteduh dan sedang mencari harapan, kesaksamaan, dan kebebasan. Jauhilah kejahatan, rasisme, perasaan prejudis, dan kebencian dari hati kami. Sucikan seluruh pelusuk peribadi aku, ya Tuhan, agar Engkau boleh memulakan kerja yang baik dalam hidup aku. Penuhi aku dengan Roh Kudus-Mu, agar kami boleh bertekad berjalan demi kemuliaan-Mu, menjadi alat-Mu dalam membawa kebenaran, keadilan dan perbenaran kepada golongan yang tertindas dan dianiayai. Tolong aku memberi pertolongan secara praktikal disertai doa walaupun aku kurang selesa dengan perbuatan tersebut, tanpa menyekatkan kerja Roh Kudus. Dalam nama Yesus, AMIN.

##### b. Kebebasan Beragama

*Mazmur 94:15 AVB* “Tetapi penghakiman akan kembali kepada keadilan, dan semua yang tulus hati akan menurutnya.”

DOA: Bapa, Engkau adalah Allah keadilan, dan semua berasa ria kerana perbuatan-Mu. Kami serahkan kepada-Mu keluarga Raymond Koh, Amri Che Mat, Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu. Kami juga serahkan Indira Gandhi yang tidak keruan kerana rindu akan anak perempuannya, Prasana Diksa, kerana ketidakadilan berlaku kepadanya.

Dengan penuh rendah hati, kami berdoa agar Engkau bekerja dalam situasi mereka, dan tidak menanggung lagi keadilan yang ditunggu-tunggukan oleh semua keluarga tersebut atas kehilangan peribadi yang dinamakan. Kami berdoa agar Engkau melindungi mereka daripada agen-agen yang berkuasa serta “penguatkuasa agama”. Kami terus berdoa agar Engkau berlaku adil dan menyelesaikan kes-kes tersebut, bahawa setiap usaha untuk merahsiakan perbuatan jahat ini akan gagal. Semua ini kami doakan dalam nama Yesus yang berkuasa, AMIN.

#### 8. Doa Spontan

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda. Ia mungkin melibatkan keperluan peribadi, rakan-rakan, keluarga, gereja anda, negara kami, dan doa khusus yang anda ingin membawa ke hadirat Tuhan.

#### **YIELD/MENYERAH DIRI**

Sepertimana tertera dalam doa of John Wesley (versi baru) ~

*“Aku meletakkan diriku sepenuhnya kedalam tangan-Mu;  
tempatkan aku pada apa yang Kau kehendaki,  
setarakan aku dengan siapa yang Kau kehendaki;  
buat aku melakukan, buat aku menderita,  
biarkan aku bekerja untuk-Mu, atau dipisahkan untuk-Mu,  
ditinggikan untuk-Mu atau diinjak-injak untuk-Mu;  
biarkan aku penuh,  
biarkan aku kosong,  
biarkan aku memiliki segalanya,  
biarkan aku tidak memiliki apa-apa,  
dengan leluasa dan dengan sepenuh hati,  
kuserahkan semuanya untuk menyenangkan dan melayani-Mu.*

*Dan sekarang, Allah yang gemilang dan dirahmati,  
Bapa, Anak dan Roh Kudus,  
Engkau milikku dan aku milik-Mu. Jadikanlah begitu.  
Jadikanlah Perjanjian-Mu di bumi sepertimana di syurga.  
Amin.”*

#### **NYATAKAN *Yudas 24-25<sup>AVB</sup>* SEBAGAI BERKAT SESAMA SENDIRI**

*Dia berkuasa memeliharaku supaya kamu tidak tersandung, dan membawamu ke hadirat-Nya yang mulia tanpa cacat cela dan dengan penuh sukacita. Dialah Allah yang esa, Penyelamat kita melalui Yesus Kristus, Tuhan kita. Bagi Dialah kemuliaan, keagungan, kekuasaan dan kuasa sejak dahulu hingga sekarang dan untuk selama-lamanya. Amin.*

#### **TAMATKAN DENGAN MELAFAZ DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13<sup>AVB</sup>***

*Bapa kami yang ada di syurga, dimuliakanlah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Jadilah kehendak-Mu di atas bumi seperti di dalam surga. Berilah kami rezeki pada hari ini, dan ampunilah kesalahan kami, seperti kami pun mengampuni yang bersalah kepada kami. Dan janganlah masukkan kami ke dalam pencobaan, tetapi bebaskanlah kami dari yang jahat. Sebab Engkaulah raja yang mulia dan berkuasa untuk selama-lamanya. AMIN.*

#### **BERDIAM DIRI**

Bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala sesuatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

### **AKTIVITI DOA HARIAN**

Anda digalakkan mengikuti aktiviti doa harian ini dengan orang lain yang percaya dalam melakukan yang berikut:

1. Doakan **Doa Bapa Kami** pada pukul **12 tengah hari** setiap hari;
2. **Doa dua kali sehari** - pada **7:14am** dan pada **7:14pm** - berlandaskan 2 Tawarikh 7:14 [UNITE7/14 Call] agar seluruh bumi akan pulih daripada wabak coronavirus dan kebangkitan rohani bangsa-bangsa. <https://www.unite714.com> ]
3. **Datanglah Kerajaan-Mu - Inisiatif Terangkan Dunia.** Nyalakan Kawasan perumahan, bandar, kota ataupun daerah anda dengan berdaftar di laman web Thy Kingdom Come mengikuti pautan berikut (<https://www.thykingdomcome.global/lightuptheworld>) selama anda terus berdoa untuk 5 orang lain yang masih belum mengenali Yesus, serta berdoa untuk kebangkitan rohani dan perubahan kebangsaan.
4. **Berdoa untuk 5** - kawan-kawan, keluarga, atau rakan sekerja setiap hari agar mereka menerima Tuhan Yesus Kristus sebagai Penyelamat peribadi mereka.